

Dipengaruhi prejudis - Maszlee

Oleh C. SHEILA RANI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 JULAI

MENTERI Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, khabar angin mengenai Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) banyak dipengaruhi dengan nilai-nilai prejudis.

Menurutnya, persepsi yang timbul juga disebabkan oleh setengah pihak masih kabur terhadap sukatan pelajaran yang diadaptasi dari Taiwan.

“Persoalannya, sejauh manakah kita melihat isu bahasa kebangsaan dan perpaduan itu sebagai tema utama dalam UEC?”

“Itu masih kadang-kadang saya rasakan agak kurang kita berbincangkan. Jadi, banyak persepsi timbul kerana masih kabur. Ramai pihak yang menyangka (pihak) yang inginkan UEC, mereka menolak bahasa kebangsaan dan tidak inginkan perpaduan.

“Jadi, kita ingin lihat mana



MASZLEE MALIK

Selari dengan manifesto PRU-14

UEC: PH TETAP IKTIRAF

➤ Kementerian Pendidikan akan tetap iktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) seperti dirancang, selaras manifesto Pakatan Harapan dalam PRU-14

➤ Pelbagai pihak terus bantah anggap boleh pecahbel generasi ini

➤ Majlis Perundinga Melayu Berkas

Isu UEC

tuk mengiktiraf UEC kerana ia memerlukan masa.

Kata beliau, perkara itu kerana UEC perlu dikaji secara holistik bersama pelbagai pihak berkepentingan.

“Tidak sekarang ini, malah, kita telah mengeluarkan kenyataan rasmi kepada Kementerian Pendidikan.

“Kajian ini (UEC), kena lihat dengan pelbagai pihak berkepentingan. Jadi, perlu ambil masa,” katanya.

mana pihak yang berbicara tentang UEC ini kita terlebih dahulu kena selesaikan isu bahasa kebangsaan dan perpaduan supaya tidak timbul prejudis kerana kebanyakan khabar angin yang timbul disebabkan prejudis,” katanya kepada pemberita di lobi Parli-

KERATAN Utusan Malaysia 13 Julai 2018.

men, hari ini.

Mengulas lanjut, Maszlee berkata, pihaknya tidak meletakkan sebarang tempoh tertentu un-

duk sebagai bahasa kebangsaan. Saya menunggu juga penjelasan dan maklum balas kerajaan termasuk Perdana Menteri berkaitan hal ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Penyata Mahathir 1979 merupakan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir ketika beliau menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1979. Laporan ini diwujudkan selepas kajian selama enam tahun yang diketuai oleh beliau ketika memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran.

Sementara itu, tambah Ab-

Mappim desak PM campur tangan

KUALA LUMPUR 16 Julai - Majlis Pembangunan Pendidikan Islam Malaysia (Mappim) mendesak Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad campur tangan bagi membatalkan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malek.

Ketua Eksekutifnya, Mohd. Zai Mustafa berkata, gesaan tersebut selaras dengan pendirian Dr. Mahathir sewaktu menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun sebelum ini

yang begitu tegas menolak tuntutan Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) untuk mengiktiraf UEC.

“Maka sangat wajar beliau sebagai Perdana Menteri kali kedua yang memimpin kerajaan Pakatan Harapan supaya prihatin mendingar keresahan rakyat yang menolak UEC dalam kerangka sistem pendidikan kebangsaan.

“Mappim dan gabungan 300 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Gerakan Pembela Ummah (Ummah) menegaskan bahawa UEC tidak perlu diiktiraf dalam sistem pendidikan negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Dr. Maszlee berkata, sebarang keputusan yang bakal diambil berhubung pengiktirafan UEC akan bersifat komprehensif dan holistik dengan tanpa mengugut kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Presiden Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPPPPM), Datuk Abdul Raof Hussin pula berkata, sekiranya alasan pengiktirafan UEC adalah kerana terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan, jadi amat wajar untuk Dr. Mahathir turut terlibat menyelesaikan berkaitan UEC.

“Jika pengiktirafan UEC ini hanyalah kerana ada dalam manifesto Pakatan Harapan, memanglah perlu campur tangan Perdana Menteri. Manifesto itu

dibuat bukan oleh Menteri Pendidikan seorang sahaja malah perkara ini berkaitan keputusan kerajaan dan tentunya perlu campur tangan Dr. Mahathir.

“Oleh itu, kami merayu kepada Perdana Menteri supaya selamat-

kan bahasa Melayu, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996. Jangan zalimi kira-kira 475,000 pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun menerusi sistem pendidikan kebangsaan sedia ada yang pasti teraniaya apabila peluang me-

lanjutkan pelajaran ke universiti awam serta peluang pekerjaan dirampas apabila UEC diiktiraf,” katanya.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Gerakan Pembela Ummah, Aminuddin Yahya berkata, tuntutan supaya UEC diiktiraf walaupun jelas sijil itu sama sekali tidak berpaksikan kepada sistem pendidikan negara seperti mana termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996, merupakan usaha meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Tindakan tersebut katanya, sekiranya dituruti akan membuka ruang lebih luas kepada pelbagai lagi tuntutan yang jelas melanggar dan menggugat kepentingan bersama.

“Kami sarankan semua pihak menolak UEC... Tun Mahathir sendiri pernah menolak pengiktirafannya kerana tidak menepati Dasar Pendidikan Kebangsaan. Jadi, sekiranya Tun berhasrat menjadi menteri pendidikan, kita alu-alukan bagi mengelak penentuan dasar pendidikan anak bangsa digugat oleh pihak tidak bertanggungjawab,” tegasnya.

Menurutnya, silibus diguna pakai UEC yang berteraskan model pendidikan Taiwan dan China tanpa mengambil kira kepentingan budaya, bangsa dan negara, akan melahirkan generasi masa hadapan yang pincang tanpa beridentitikan Malaysia.



MOHD. ZAI MUSTAFA

Maklum balas Dr. Mahathir dinanti - Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 16 Julai - Maklum balas daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) amat dinantikan lebih-lebih lagi berkaitan dalam mendaulatkan bahasa Melayu dan perpaduan negara.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abdul Rahman Arshad berkata, Dr. Mahathir semasa memegang jawatan Menteri Pelajaran pernah menyediakan Penyata Mahathir 1979 yang bertujuan mengkaji matlamat dan keberkesanan sistem pendidikan negara berasaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Jelasnya, penyata tersebut turut diwujudkan dengan objektif untuk mencapai perpaduan negara dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

“Dr. Mahathir tentunya amat mengetahui kepentingan mempertahankan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Jadi maklum balasnya berkaitan UEC amat dinantikan kerana sijil itu jelas tidak selari dengan sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada.

“Sekiranya kerajaan mahu mengiktiraf UEC, perlulah dijelaskan terlebih dahulu bagaimana sijil itu yang menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantarnya dapat menggalakkan perpaduan serta bagaimana bahasa Melayu dapat didaulat-



ABDUL RAHMAN ARSHAD

kan sebagai bahasa kebangsaan. Saya menunggu juga penjelasan dan maklum balas kerajaan termasuk Perdana Menteri berkaitan hal ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Penyata Mahathir 1979 merupakan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir ketika beliau menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1979. Laporan ini diwujudkan selepas kajian selama enam tahun yang diketuai oleh beliau ketika memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran.

Sementara itu, tambah Ab-